

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

05
DEC

INFORMM BANTU KANAK-KANAK ASNAF BERKHATAN SECARA PERCUMA



KUBANG KERIAN, 4 Disember 2016 – Kegembiraan jelas terpancar di wajah 18 anak yatim dan kurang berkemampuan berusia antara 9 hingga 11 tahun yang dikhatarkan beramai-ramai dalam program anjuran Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM) bersama Kelab Kebajikan Asnaf Kelantan dengan kerjasama Jabatan Perubatan Kecemasan Hospital USM dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APAM) bersempena cuti sekolah, di sini hari ini.

Pengarah INFORMM Prof. Dr. Norazmi Mohd Nor pula berkata, program tersebut merupakan salah satu aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan oleh pihak INFORMM bagi merapatkan hubungan dengan komuniti setempat.



"Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak APAM yang sama-sama menjayakan program berkhatan dengan menyediakan dua buah ambulan bagi pengangkutan peserta berkhatan ini sekali gus dapat menyuburkan sifat keprihatinan dan kasih sayang sesama insan," katanya dalam ucapan perasmian program tersebut.

Kanak-kanak berkenaan yang bakal menempuh alam dewasa itu dirai dalam satu sesi taklimat ringkas dan bacaan doa selamat sebelum sesi berkhatan dimulakan.



Para peserta bukan sahaja menerima khidmat khatan daripada pakar perubatan Hospital USM secara percuma, malah turut dibekalkan ubatan untuk kegunaan susulan.

Teks: Mohamad Iqmal Mathlan / Foto: Wan Mohd Rasidi Wan Mood



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>).

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>). | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015